

# Pendidik kena cekap, kreatif kendali kelas dalam talian

**Cabaran** menghadapi kesan pandemik COVID-19 memberikan pelbagai impak kepada seluruh aspek kehidupan, terutama norma bekerja. Malah, berkecimpung dalam bidang pendidikan jadi kian mencabar kerana rutin pembelajaran yang biasanya diguna pakai secara bersemuka terpaksa beralih kepada platform dalam talian.

Berikutan kemunculan saluran DidikTV KPM dilaksanakan semula setelah berdepan kekangan ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), medium pendidikan ditambah baik dengan pembelajaran melalui saluran khas siaran televisyen.

Medium ini menjanjikan input menyeluruh berkaitan dunia pendidikan negara, termasuk program pembangunan sahsiah murid di samping aspek pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Pilihan untuk menggalas tanggungjawab sebagai pendidik dalam dunia akademik bukan tugas mudah. Aktiviti PdP yang terkesan sejak dilaksanakan dalam talian menyaksikan pelbagai rungutan dan pujian oleh pihak terbabit, terutama pengajar serta pelajar.

Pengalaman mengendalikan kelas dalam talian membuktikan pendidik hari ini harus bersifat kreatif dan cepat belajar mengadaptasikan sistem, mahupun kandungan dalam PdP.

Situasi ini juga memperlihatkan antara kekangan pendidik dengan sistem pembelajaran dalam talian ini adalah kurangnya pengetahuan dan kemahiran dalam mengendalikan aplikasi yang di-

sediakan untuk melaksanakan aktiviti terbabit.

Dalam hal ini, pendidik mesti peka dengan kehendak semasa yang memerlukan mereka cekap mengendalikan aplikasi dalam talian.

Kecekapan itu boleh menjadi contoh kepada pelajar bahawa pendidik lebih cakna dan mahir dalam mempelajari sesuatu yang baharu sesuai dengan sistem pendidikan semasa, sekali gus tidak terhad kepada kemahiran ilmu subjek diajar.

Pendidik seharusnya lebih bijak dan pantas untuk berfikir bagaimana cara dan kaedah paling sesuai dalam menyampaikan ilmu melalui sistem ini. Dari semasa ke semasa, tular video atau

pautan menunjukkan pendidik benar-benar serius dalam melaksanakan tugas.

Mereka membuka ruang kepada pelajar untuk turut sama dalam kelas secara maya sama ada dengan bayaran atau khidmat percuma demi memastikan perkembangan pendidikan terus berjalan seperti biasa.

Usaha untuk mempertingkatkan kreativiti mereka ini ada antaranya bertujuan pelajar berasakan seolah-olah berada dalam kelas seperti kaedah PdP bersemuka yang memerlukan komunikasi dua hala, terutama bagi sesi soal jawab berterusan.

Seharusnya kewujudan saluran DidikTV KPM turut sama berkongsi kae-

dah diguna pakai pendidik kreatif ini dalam menjayakan saluran terbabit.

Saluran seumpama ini boleh dikategorikan antara usaha dalam merealisasikan Pelan Pembangunan Pendidikan Negara 2013-2025 merangkumi tiga objektif utama.

Pertama, memahami prestasi dan cabaran semasa sistem pendidikan; kedua, mewujudkan visi dan aspirasi jelas untuk setiap murid serta ketiga, menggariskan transformasi sistem pendidikan komprehensif merangkumi perubahan penting dalam Kementerian.

Situasi pandemik sedikit sebanyak membuka mata dunia pendidikan terhadap cabaran dalam mencapai objektif berkenaan. Oleh itu, situasi sebegini boleh menjadi bukti bahawa pendidik di negara ini mampu berfungsi dan melaksanakan tugas dengan baik demi memastikan objektif pembangunan pendidikan ini tercapai.

Diharapkan pendidik pantas bertindak untuk mencipta atau mengguna pakai kebijaksanaan dan kreativiti sendiri sesuai dengan pujian diberikan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin kepada pendidik yang memiliki kemahiran, kepakaran dan komited dalam menyampaikan kandungan ilmu secara kreatif.

Secara tidak langsung, usaha ini akan membantu Malaysia untuk terus membangunkan perkembangan pendidikan dalam menuju ke arah sebuah negara maju.



**Dr Safiyah Ahmad Sabri**



**Kreativiti guru perlu diaplikasi dalam penyediaan bahan PdP secara maya.** (Foto hiasan)

**Penulis adalah** Pensyarah Kanan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia